

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 21 MAC 2018

SOALAN :

YB. Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan secara terperinci kesilapan yang berlaku dalam pelaksanaan Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) yang menimbulkan kontroversi sehingga dibatalkan dan langkah alternatif yang diambil untuk menggantikannya.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (IMAMS) diperkenalkan bertujuan untuk menangani kes-kes penipuan umrah/ziarah yang sering dilaporkan dan telah mengakibatkan kerugian besar dalam pelbagai aspek kepada para jemaah.

Sebelum pelaksanaan Sistem IMAMS pada 15 Disember 2017, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah pun mengadakan 5 siri taklimat khas mengikut zon di seluruh negara yang melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan. Selain itu, sebanyak 16 siri Kempen Kesedaran Penipuan Pakej Umrah kepada orang awam juga turut diadakan di seluruh negara pada tahun 2017 di mana ia turut menyentuh perancangan pelaksanaan sistem IMAMS.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membatalkan pelaksanaan sistem IMAMS pada 16 Disember 2017 setelah mengambil kira pandangan pihak industri dan rakyat terhadap caj yang dikenakan kepada para jemaah umrah bagi penggunaan perkhidmatan sistem tersebut. Sebagai langkah alternatif, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan terus menggunakan mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan berkala bagi membendung kes-kes penipuan pakej umrah/ziarah.

Sekian, terima kasih.